

Headline	SPNB hargai jasa pekerja		
MediaTitle	Kosmo		
Date	08 May 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	50	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	191 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,976
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,927



SPNB hargai jasa pekerja

PRIHATIN. Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah mengadakan majlis tahliil dan bacaan doa selamat di surau Wisma Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pengerusi SPNB, Datuk Dr. Abdul Latif Ahmad berkata, majlis berkenaan bertujuan untuk menghargai jasa dua pekerja SPNB yang meninggal dunia baru-baru ini.

"SPNB merupakan sebuah keluarga besar yang menekankan nilai-nilai kekeluargaan. Kita sentiasa menghargai jasa dan sumbangan setiap modal insan

di SPNB.

"Selain mengadakan majlis tahliil dan bacaan doa selamat, SPNB turut menyerahkan cek khairat kematian kepada dua waris pekerja yang meninggal baru-baru ini. Kita berharap ia dapat mengurangkan beban keluarga apabila kehilangan orang tersayang," ujarnya.

Antara yang hadir termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB, Datuk Ahmad Azizi Ali, Pengerusi SPNB Edar Sdn. Bhd. (SESB), Datuk Dr. Mohd. Padzil Hashim serta ahli lembaga pengarah SPNB, ketua-ketua jabatan dan para pekerja SPNB.



ABDUL LATIF (lima dari kiri) bergambar bersama kakitangan SPNB selepas majlis tahliil dan bacaan doa selamat sebelum acara penyerahan sumbangan waris dua pekerja SPNB di surau Perkeso, Kuala Lumpur baru-baru ini.